



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENOLONG NAIB CANSELOR

### PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR

---

#### **Bilangan 3 Tahun 2017**

**DASAR PERMOHONAN ADDITIONAL WORKS DAN / ATAU VARIATION WORKS  
DI KAMPUS-KAMPUS UiTM YANG DIBANGUNKAN SECARA INISIATIF PEMBIAYAAN  
SWASTA (PFI)**

#### **TUJUAN**

- 1.0 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan dasar, peraturan dan proses kerja permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* yang dipohon oleh PTJ kampus PFI untuk pengesyoran ke Mesyuarat Pemantauan Projek (PMC) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

#### **TAFSIRAN**

- 2.0 Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini ;
- 2.1 “***Additional Works***” merujuk kepada ketetapan berkenaan kerja tambahan/ ubahsuai yang dinyatakan di dalam dokumen Perjanjian Konsesi di bawah peruntukan :
- 2.1.1 Klausa 18 - “***Additional Construction Works***” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi;  
Kampus Samarahan 2, Kampus Tapah, Kampus Pasir Gudang, Kampus Jasin, Kampus Puncak Alam- fasa 2 dan Kampus Seremban 3.
- 2.1.2 Klausa 18 - “***Additional Works***” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi ;  
Kampus Mukah.
- 2.1.3 Klausa 19 - ***Additional Works***” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi ;  
Kampus Dengkil, Kampus Raub, Kampus Alam Bina dan Senireka, Kampus Rembau, Institut Kepimpinan dan

Pembangunan (ILD), Kolej Kediaman Pelajar Bertam, Kolej Kediaman Pelajar Lendu, Kolej Kediaman Pelajar Jengka, Kolej Kediaman Pelajar Puncak Alam.

- 2.2 “**Variation Works**” merujuk kepada ketetapan berkenaan kerja-kerja mengubah kegunaan / fungsi asal ruang yang menyebabkan “*Substantial Change*” kepada skop kerja penyelenggaraan seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Konsesi di bawah peruntukan :
- 2.2.1 Klaus 16.4 - “**Variation to the Scope of Maintenance Works**” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi; Kampus Samarahan 2, Kampus Tapah, Kampus Pasir Gudang, Kampus Jasin, Kampus Puncak Alam- fasa 2 dan Kampus Seremban 3.
- 2.2.2 Klaus 16.4 - “**Variation to the Scope of Asset Management Services**” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi; Kampus Mukah.
- 2.2.3 Klaus 16.5 - “**Variation to the Scope of Asset Management Services**” dan keterangan terperinci di dalam Perjanjian Konsesi; Kampus Dengkil, Kampus Raub, Kampus Alam Bina dan Senireka, Kampus Rembau, Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Kolej Kediaman Pelajar Bertam, Kolej Kediaman Pelajar Lendu, Kolej Kediaman Pelajar Jengka, Kolej Kediaman Pelajar Puncak Alam.
- 2.3 “**Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, UiTM, Shah Alam- JPPF-PPII**” adalah urusetia yang menyalas permohonan. *Additional Works* dan / atau *Variation Works* dari PTJ Kampus PFI untuk pengesyoran ke PMC dan KPT.
- 2.4 **Mesyuarat Pemantauan Projek (Project Monitoring Committee, PMC)** merujuk kepada Perjanjian Konsesi melalui peruntukan Klaus 33 Project Monitoring Committee untuk semua Kampus PFI kecuali Mukah dan Kampus Dengkil di bawah peruntukan Klaus 34 Project Monitoring Committee.
- 2.4 “**PdP**” – Pembelajaran dan Pengajaran.
- 2.5 “**PTJ**” – Pusat Tanggungjawab yang terdiri dari pelbagai jabatan dan bahagian di dalam UiTM.

## LATAR BELAKANG

3.0 Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini :

3.1 Terpakai bagi Kampus- Kampus PFI yang terdiri dari 16 kampus iaitu :

<b>Kampus UiTM (Fasa 1)</b>	1. UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.
	2. UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.
	3. UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam –Fasa 2.
	4. UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah.
	5. UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3.
	6. UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2
<b>Kampus UiTM (Fasa 2)</b>	7. UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.
	8. UiTM Cawangan Selangor, Kampus Alam Bina dan Seni Reka.
	9. UiTM Kampus Sarawak, Kampus Mukah.
	10. UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub.
	11. UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.
	12. Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD).
	13. Kolej Kediamaan Pelajar-UiTM Puncak Alam Selangor.
	14. Kolej Kediamaan Pelajar-UiTM Bertam, Pulau Pinang.
	15. Kolej Kediamaan Pelajar-UiTM Jengka, Pahang.
	16. Kolej Kediamaan Pelajar-UiTM Lendu, Melaka.

3.2 UiTM Kampus PFI adalah kampus-kampus yang dibina menggunakan kaedah perolehan PFI yang beroperasi dalam tempoh perjanjian konsesi selama 20 tahun bermula dari tarikh penerimaan kampus masing-masing.

3.3 Perjanjian Konsesi menjelaskan dua (2) klausa berkenaan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* iaitu :

1. <i>Clause 18 (Phase 1) or Clause 19 (Phase 2)</i>	<i>Additional Construction Works / Additional Works</i>
2. <i>Clause 16.4 (Phase 1) or Clause 16.5 (Phase 2)</i>	<i>Variation to the Scope of Maintenance Works / Variation to the Scope of Asset Management Services</i>

3.4 Dasar pertimbangan permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* adalah merujuk kepada Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 15/2017 bertarikh 21 Jun 2017 yang mengutamakan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selari dengan *core business* UiTM sebagai sebuah universiti yang dinamik seperti berikut :

BIL	KRITERIA	JUSTIFIKASI
1	<b>KEPERLUAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DAN FUNGSI RUANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sejajar dengan keperluan PdP.</li> <li>ii. Kerja penyesuaian peralatan dengan ruang sedia ada.</li> <li>iii. Perubahan keperluan (PdP) disebabkan keperluan semasa. (cth : pengiktirafan program).</li> <li>iv. Sejajar dengan fungsi dan kegunaan ruang.</li> </ul>
2	<b>KESELAMATAN DAN KESIHATAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pematuhan kepada arahan atau keperluan yang dikeluarkan oleh kerajaan , pihak berkuasa atau UiTM.</li> </ul>
3	<b>KECEKAPAN TENAGA DAN UTILITI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Inisiatif untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan utiliti.</li> <li>ii. Inisiatif penjimatan untuk kos utiliti UiTM.</li> </ul>
4.	<b>PERUNDANGAN DAN KEWANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pematuhan kepada arahan atau keperluan yang dikeluarkan oleh kerajaan , pihak berkuasa atau UiTM.</li> <li>ii. Pematuhan kepada klaus 38 – Applicable Law dan klaus 39- <i>Compliance With Laws</i>, dokumen Perjanjian Konsesi.</li> <li>iii. Tiada implikasi kewangan kepada AC, MC, MRF dan <i>PFI related cost</i>.</li> </ul>

3.5 Permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* yang menggunakan sumber peruntukan UiTM perlu mendapat **sokongan** dari Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Negeri (JPPFN) di kampus cawangan masing-masing.

- 3.6 Permohonan yang disokong oleh JPPFN hendaklah dimajukan ke Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (JPPF- PPII) sebagai urusetia.
- 3.7 Carta Alir Proses permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- 3.8 Bahagian Pengurusan Fasiliti dan ICT Cawangan hendaklah menyediakan dan mengemukakan dokumen lengkap seperti berikut :
  - a) Kertas kerja justifikasi permohonan dari bahagian/ fakulti/ pusat/ unit.
  - b) Borang JPPFN yang lengkap diisi (contoh borang seperti di **LAMPIRAN 2**).
  - c) Cadangan pelan ubahsuai (yang berkaitan sahaja).
  - d) Anggaran kos projek, kos penyelenggaraan tambahan.
  - e) Surat sokongan sumber peruntukan.

- 3.9 Kertas kerja permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* hendaklah dikemukakan kepada :

**Urusetia Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti**

Bahagian Dasar dan Operasi PFI

Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur

Universiti Teknologi MARA

40450, Shah Alam

Tel : 03-5544 2299 , Faks : 03-5521 1122

## TUJUAN PERLAKSANAAN

- 4.0 Pekeliling ini bertujuan untuk:-
  - 4.1 Menyelaras semua permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* di kampus PFI selari dengan Perjanjian Konsesi kampus masing- masing. Ia juga dapat merekod dan mengemaskini inventori maklumat kampus yang berkaitan di sepanjang tempoh Perjanjian Konsesi.
  - 4.2 Pegawai / Jurutera kampus PFI bertanggungjawab untuk memperhalusi permohonan *end user* dengan cadangan yang sesuai sebelum dikemukakan kepada JPPFN, JPPF-PPII.
  - 4.3 JPPF-PPII bertanggungjawab membawa pengesyoran ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek (*PMC*) dan KPT / agensi pusat.
  - 4.4 Tatacara perolehan adalah merujuk kepada klausa 18- *Additional Construction Works* (fasa 1) atau klausa 19 –*Additional Works* atau klausa 16.4 –*Variation to the Maintenance Works* atau Klausa 16.5 –*Variation to the Scope of Asset Management Services*.

4.5 Selain perkara 4.4 di atas, tatacara perolehan hendaklah mematuhi yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeliling UiTM yang berkuatkuasa.

#### PEMAKAIAN

5.0 Pekeliling ini hendaklah digunakan oleh semua Kampus PFI Universiti Teknologi MARA dan hendaklah dibaca bersekali dengan Perjanjian Konsesi dan *Building Maintenance Manual, BMM* bagi kampus Fasa 1 dan *Asset Management Services Manual, AMSM* bagi kampus Fasa 2 serta arahan atau keperluan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pihak berkuasa atau UiTM.

#### TARIKH DIKELUARKAN

6.0 Pekeliling ini dikeluarkan pada **11 September 2017**

#### TARIKH KUAT KUASA

7.0 Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta**.




**PROF DATIN Ir. Dr. HAJAH ZAINAB BINTI MOHAMED**  
Penolong Naib Canselor  
Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur

*Dikelilingkan Kepada :*

*Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi  
Pejabat Naib Canselor  
Rektor -Rektor UiTM Negeri  
Ketua Jabatan/ Bahagian/Pusat/Unit  
Dekan-Dekan Fakulti*

*Bil Fail : 100-PPII (PTA. 6/7/3)  
No Siri : Pekeliling PNC PPII*

TindakanCarta Alir Proses Permohonan *Additional Works* dan / atau *Variation Works* Di Kampus PFI

**LAMPIRAN 2****Borang JPPFN (A)****SENARAI SEMAK SKOP PERMOHONAN PROJEK**

Tujuan : Tujuan senarai semak ini adalah untuk mengumpul maklumat mengenai sesuatu projek dan untuk tujuan rekod.

Tajuk Projek :

Tarikh Permohonan :

Nama Pemohon :

Bahagian/Fakulti :

No. Telefon :

Alamat E-mel :

Nyatakan punca peruntukan :

Tandatangan Pemohon :

**Butiran Kerja Ubahsuai/Naiktaraf (sila tandakan "/" di ruang berkenaan)**

1. Fungsi Sebelum Ubahsuai :- Fungsi Selepas Ubahsuai

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Pejabat                | <input type="checkbox"/> Pejabat                |
| <input type="checkbox"/> Bilik Kuliah           | <input type="checkbox"/> Bilik Kuliah           |
| <input type="checkbox"/> Makmal                 | <input type="checkbox"/> Makmal                 |
| <input type="checkbox"/> Stor                   | <input type="checkbox"/> Stor                   |
| <input type="checkbox"/> Bilik Konferen/Seminar | <input type="checkbox"/> Bilik Konferen/Seminar |
| <input type="checkbox"/> Bilik Kediaman         | <input type="checkbox"/> Bilik Kediaman         |
| <input type="checkbox"/> Ruang Makan            | <input type="checkbox"/> Ruang Makan            |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)   | <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)   |

2. Status Ruang;

- Kelulusan Pemilikan Ruang

Ada	Tiada	No. Rujukan
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	.....
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	.....

3. Lokasi Projek;

- Kelulusan Tukar Fungsi Ruang

**LAMPIRAN 2**

**Borang JPPFN (A)**

No. Bilik/Aras .....  
.....

Nama Bahagian/Fakulti .....  
.....

Nama Bangunan .....  
.....

Nama Kampus .....  
.....

4. Ringkasan Projek;

.....  
.....  
.....

5. Sila nyatakan keadaan sedia ada dan perubahan yang dilakukan;

a) BIDANG AWAM/STRUKTUR  
Sedia Ada

Kerja/Pemasangan Baru

- |           |          |
|-----------|----------|
| i. ....   | ii. .... |
| iii. .... | iv. .... |
| v. ....   | vi. .... |

Anggaran Kos Ubahsuai Bidang Awam : RM .....

Nama dan Tandatangan Jurutera Awam : .....

b) BIDANG ELEKTRIKAL  
Sedia Ada

Kerja/Pemasangan Baru

- |           |          |
|-----------|----------|
| i. ....   | ii. .... |
| iii. .... | iv. .... |
| v. ....   | vi. .... |

Anggaran Kos Ubahsuai Bidang Elektrikal : RM .....

**LAMPIRAN 2**

**Borang JPPFN (A)**

Nama dan Tandatangan Jurutera Elektrikal : .....

c) **BIDANG MEKANIKAL**  
Sedia Ada

Kerja/Pemasangan Baru

- |           |           |
|-----------|-----------|
| i. ....   | i. ....   |
| ii. ....  | ii. ....  |
| iii. .... | iii. .... |
| iv. ....  | iv. ....  |
| v. ....   | v. ....   |

O Anggaran Kos Ubahsuai Bidang Mekanikal : RM .....

Nama dan Tandatangan Jurutera Mekanikal : .....

d) **BIDANG TELEKOMUNIKASI**  
Sedia Ada

Kerja/Pemasangan Baru

- |           |           |
|-----------|-----------|
| i. ....   | i. ....   |
| ii. ....  | ii. ....  |
| iii. .... | iii. .... |
| iv. ....  | iv. ....  |
| v. ....   | v. ....   |

O Anggaran Kos Ubahsuai Bidang Telekomunikasi : RM .....

Nama dan Tandatangan Jurutera Telekomunikasi : .....

**6. Keluasan Ruang Ubahsuai/Naiktaraf :** .....meter persegi

**7. Anggaran Kos Keseluruhan** : RM.....

**8. Kos ubahsuai per meter persegi** : RM...../meter persegi

**LAMPIRAN 2**

**Borang JPPFN (A)**

9. Perancangan Projek ;

<u>Peringkat</u>	<u>Sasaran Tarikh Siap (nyatakan)</u>
i. Rekabentuk	.....
ii. Lukisan	.....
iii. Dokumentasi	.....
iv. Mula Bina	.....
v. Siap Bina	.....

10. Nama Pengurus Projek dan Tandatangan : .....

11. Tarikh : .....

---

Dengan ini saya mengesahkan semua data-data di atas untuk di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Negeri (JPPFN).

.....  
**Ketua Bahagian Fasiliti & ICT / Jurutera**  
Bahagian Pengurusan Fasiliti & ICT

---

**Nota :**

Sila gunakan ;

○ \* Pegawai yang meluluskan boleh disesuaikan mengikut cawangan